

29/11/1999

Janji manifesto akan ditunaikan

KOTA BHARU, Ahad - Tengku Razaleigh Hamzah berkata Barisan Nasional (BN) Kelantan akan menunaikan janjinya sebagaimana terkandung dalam manifestonya apabila memperolehi sekurang-kurangnya 22 daripada 43 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dipertandingkan di negeri ini, selepas hari pembuangan undi, esok.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu, berkata sebaik saja mencapai kemenangan, beliau akan menghubungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mendapatkan peruntukan besar untuk melaksanakan projek pembangunan di negeri ini untuk menarik pelabur.

Ini, katanya dilakukan kerana Kelantan kini tidak mempunyai masa apabila sudah jauh ketinggalan berbanding negeri lain.

"Apabila saja kita (BN) menang di Kelantan, saya akan menghubungi Dr Mahathir untuk mendapatkan peruntukan besar bagi membina jalan, universiti dan lapangan terbang untuk menarik pelabur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan perjumpaan dengan penduduk Kampung Che Deris, Chempaka, dalam kawasan pilihan raya Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, dekat sini, hari ini.

Tengku Razaleigh membayangkan keyakinan BN boleh menumbangkan kerajaan Pas Kelantan pada pilihan raya kali ini kerana rakyat sudah sedar apabila menyaksikan negeri ini jauh ketinggalan dari segi pembangunan berbanding negeri lain.

Kenyakinan itu katanya didorong perubahan sikap golongan wanita yang juga pengundi terbesar di negeri ini memberi sokongan menggalakkan kepada BN, termasuk menerusi ceramah berbanding dengan keadaan sebelum ini.

"Ini berbeza dengan kenyataan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mahu wanita hanya berada di dapur, sedangkan bagi kami percaya setiap orang mempunyai potensi untuk maju," katanya.

Walaupun dalam keadaan kurang sihat, Tengku Razaleigh masih menemui penduduk untuk berkempen di saat akhir menjelang pilihan raya.

Ditanya sama ada beliau akan tetap berada di Kota Bharu untuk mengetahui keputusan pilihan raya esok, Tengku Razaleigh berkata:

"Menang atau kalah, saya tetap bersama rakyat. Saya tidak akan 'lari' ke mana-mana," katanya.

(END)